



**TEKS UCAPAN
'MAJLIS ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG
DAN MALAM JASAMU DIKENANG RISDA
NEGERI JOHOR TAHUN 2008'**

**OLEH
DATO' HJ. WAN MOHAMAD ZUKI BIN HJ. MOHAMAD,
TIMBALAN KETUA PENGARAH PENGURUSAN & KORPORAT
MEWAKILI KETUA PENGARAH RISDA**

TEMPAT: DEWAN GEMILANG LESTARI
PEJABAT RISDA NEGERI JOHOR, JOHOR BHARU
TARIKH : 6 OGOS 2009 (KHAMIS)
MASA : 7.45 MALAM

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Dihormati En Kaab bin Alias
Pengarah RISDA Negeri Johor

En. Omar bin Hj. Hassan
Timbalan Pengarah RISDA Negeri Johor

Semua PRD serta Pegawai Kanan RISDA Johor
Yang diraikan Pesara-pesara dan Penerima-Penerima Anugerah
Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga RISDA Negeri Johor

1. PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan inayah-Nya jua, maka dapat kita semua berhimpun di sini untuk menjayakan Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Malam Jasamu Dikenang RISDA Johor tahun 2009.

Sesungguhnya majlis ini merupakan pengiktirafan RISDA terhadap warga RISDA yang telah memberikan perkhidmatan yang bermutu dan cemerlang. Meskipun jumlah yang menerima anugerah ini agak kecil namun saya percaya jumlah mereka yang cemerlang

3

sebenarnya adalah lebih ramai manakala yang terpilih pada kali ini adalah yang terbaik di kalangan yang terbaik.

Sebenarnya kejayaan yang dikecapi oleh RISDA Johor pada hari ini tidak dapat dinafikan adalah hasil kerja keras dan usaha secara kolektif serta kerja secara berpasukan yang ditunjukkan oleh Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua. Oleh itu, tidak ada salahnya jika kita menganggap majlis ini sebagai majlis untuk meraikan kejayaan kita semua.

Kepada Pesara-Pesara RISDA Johor yang turut diraikan pada malam ini, saya bagi pihak Pengurusan RISDA ingin merakamkan

4

ucapan setinggi-tinggi penghargaan keatas segala jasa dan bakti yang telah disumbangkan oleh Tuan-Tuan dan Puan-Puan selama berkhidmat di RISDA. Segala sumbangan dan jasa yang telah diberikan adalah tidak ternilai dan akan tetap di kenang. Sesungguhnya perkhidmatan yang telah ditunjukkan selama ini begitu bermakna sekali terutama dalam misi RISDA untuk memperkasa masyarakat pekebun kecil yang maju dan berdaya tahan.

Bagi kebanyakan orang yang sudah terbiasa bekerja, suatu kelainan pasti akan terasa tatkala menjelang pagi. Jika kebiasaannya selepas subuh akan bersiap untuk ke tempat kerja,

tetapi kini 'skrip' bagi seorang pesara sudah jauh berbeza. Namun tidak juga dinafikan bahawa, bagi mereka yang sudah melalui alam pekerjaan selama lebih 30 tahun, rasa 'ingin' untuk merehatkan diri kini sudah tiba waktunya. Suasana 'pergelutan' di jalanraya dengan melalui keadaan sesak atau 'jem' tentulah menjadikan usia kita seakan 'tua' di jalanan. Kesibukan tugas di tempat kerja juga kadangkala menyumbang dan menyebabkan seseorang merasa suatu tekanan yang sukar untuk digambarkan dengan kata-kata. Maka itu, alam persaraan begini bagi sesetengahnya seakan memiliki passport kebebasan yang hakiki !

2. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Kecemerlangan sesebuah organisasi terletak pada aset utamanya iaitu modal insan atau tenaga kerjanya. Tenaga kerjanya mestilah berilmu, memiliki kemahiran yang bersesuaian dan berfikiran strategik supaya sentiasa relevan dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran. Penyampaian perkhidmatan yang melangkaui jangkaan pelanggan dan rakyat adalah salah satu petanda positif.

Jikalau perkhidmatan RISDA ingin terus relevan, ia perlu berubah. Ia perlu sentiasa melakukan pembaharuan iaitu perlu menjadi

7

lebih baik, lebih tangkas, lebih strategik dan berdisiplin. Pengurusan perubahan merujuk kepada kebolehan sesebuah organisasi untuk menyesuaikan diri menghadapi perubahan persekitaran yang tiada nuktahnya. Kita hendaklah mengeksploitasikan perubahan ini untuk memajukan misi RISDA sekiranya ingin menjadi relevan. Kita hendaklah fleksibel dalam pemikiran dan tindakan, kerana daya saing sesebuah negara bergantung kepada bagaimana kreatif dan imaginatif rakyatnya dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih baik dengan kos yang munasabah.

8

3. KECEMERLANGAN

Kecemerlangan bukanlah sesuatu yang mudah dicapai. Ia memerlukan pengorbanan yang besar dan iltizam yang tinggi. Saya percaya semua orang mahu mencapai kecemerlangan dan pengiktirafan dalam kerja mereka tetapi tidak semua yang sanggup melakukan perkara yang mencabar. Amalan-amalan ke arah kecemerlangan seperti terkandung di dalam prinsip-prinsip pengurusan kualiti menyeluruh, keutuhan pengurusan serta nilai-nilai murni yang diamalkan di dalam ajaran agama masing-masing perlu dijadikan pegangan hidup dan amalan sepanjang masa,

9

terutama dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing tidak kira pangkat dan kedudukan.

Bagi menjana kecemerlangan yang sesuai ke arah yang baru, setiap pegawai RISDA hendaklah membuat perubahan mind-set atau anjakan paradigma untuk menerima perubahan ini dan berusaha untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai bagi meningkatkan kualiti kerja masing-masing. Kita harus sedar bahawa kualiti kerja yang dicari itu bukanlah satu keadaan yang statik malah akan terus berubah dengan lebih pesat lagi di masa hadapan. Justeru, apabila kita telah mencapai tahap kualiti yang menjadi matlamat kita, kita tidak

seharusnya berpuashati serta menjadi selesa dan leka. Ringkasnya, kita perlu mengejar kualiti sepanjang masa.

4. KEPENTINGAN INOVASI

Mulai tahun ini, budaya inovasi dalam perkhidmatan awam di beri perhatian khusus oleh KSN. Sehubungan dengan ini, nama Hari Kualiti ditukarkan kepada Hari Inovasi dan Kualiti. Perubahan ini adalah untuk menggalakkan inovasi di kalangan penjawat Awam. Sebelum ini, kita hanya melaksanakan inovasi untuk pertandingan semata-mata. Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah telah menyarankan supaya inovasi dibudayakan sepanjang tahun dan

11

satu Skim Insentif akan diwujudkan dan semua inovasi walau sekecil mana pun akan di beri pengiktirafan di Majlis-majlis seperti perhimpunan bulanan, seminar dan sebagainya. Dengan ini saya menyeru semua warga RISDA Johor untuk mengambil peluang ini untuk melaksanakan inovasi dalam sebarang tugas harian yang dilaksanakan sama ada dari segi penjimatan kos, memudahkan prosedur atau kepuasan hati pelanggan kita.

5.0 CABARAN MASA DEPAN

Cabaran yang lebih besar kepada warga RISDA pada hari ini adalah untuk menukarkan cara bekerja dari menjalankan tugas-

12

tugas rutin kepada peranan yang lebih besar sebagai pekerja berilmu yang sentiasa kreatif dan inovatif dalam menangani cabaran-cabaran baru, mampu meramal perubahan-perubahan yang bakal berlaku dan berani membuat pertimbangan dan keputusan serta sanggup menghadapi risiko. **Menurut Winslow and Bramer, “*Knowledge is more than just knowing why you know, it is also knowing what you know, and then doing it*”.**

Cabaran utama masa depan pula ialah mengekalkan tadbir urus yang baik dalam suasana yang berubah-ubah di samping menghadapi persaingan kerana kehendak pelanggan juga turut berubah-ubah. Selain itu cabaran dan ancaman globalisasi kian

menjadi nyata. Daya saing negara perlu dipertingkatkan melalui usaha-usaha meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti yang merupakan ciri-ciri utama bagi tadbir urus yang baik. Oleh itu usaha berterusan diperlukan untuk memastikan tahap integriti yang tinggi bagi perkhidmatan dan pegawai sentiasa dipelihara.

Kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian, saya menyeru supaya sentiasa menjaga reputasi RISDA. Reputasi amat sukar dibina tetapi dengan cepat boleh dirobohkan akibat tingkahlaku segelintir warga kita. Lebih-lebih lagi jika digembar-gemburkan oleh media.

4. PENUTUP

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada kali ini. Semoga kecemerlangan anda semua dapat menjadi contoh kepada yang lain untuk memupuk budaya kualiti. Bagi mereka yang tidak terpilih, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan tidak kecewa, sebaliknya akan terus meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja untuk memantapkan lagi organisasi kita untuk menjadi sebuah organisasi bertaraf unggul.

15

Kepada Tuan-tuan dan Puan-Puan yang telah bersara, Tuan-Tuan dan Puan-Puan mempunyai 'Kelebihan' kerana pernah berada dalam perkhidmatan RISDA dan sekarang ini di luar perkhidmatan pula. Mungkin apabila berada di luar, banyak kelemahan dapat di lihat, dan sehubungan itu adalah menjadi kewajipan tuan-tuan dan puan-puan untuk memaklumkan kelemahan tersebut kepada rakan-rakan yang sedang berkhidmat supaya pembaharuan dan penambahbaikan yang sewajarnya boleh di ambil.

Oleh itu, bagi kita yang masih lagi dalam perkhidmatan, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mengambil tindakan yang

16

sewajarnya terhadap segala aduan mahupun rungutan yang dikemukakan, tidak kira daripada rakan-rakan yang telah bersara mahupun daripada orang awam.

Saya mengucapkan terima kasih di atas kerjasama erat anda semua selama ini, dalam membantu pihak Pengurusan merangka dan merencana program dan aktiviti untuk memacu RISDA hingga ke tahap hari ini. Dan saya percaya, bahawa ianya masih mampu ditambahbaik dan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa ke arah mencapai kualiti perkhidmatan yang ditawarkan kepada setiap pelanggan kita.

17

Saya juga mengambil peluang keemasan ini untuk merakamkan setinggi syabas dan penghargaan kepada En. Kaab, Pengarah RISDA Negeri Johor serta Ahli Jawatankuasanya yang telah berjaya menganjurkan program ini dengan begitu lancar dan baik sekali.

Kerjasama sepasukanlah yang telah menerbitkan kejayaan sebegini. Insya-Allah, jika kita meletakkan nilai kerjasama sepasukan dan sentiasa bersandarkan Kualiti, maka kita akan memperoleh impak kecemerlangan dalam sebarang tugas yang diamanahkan.

18

Akhirnya kata, marilah kita bersama-sama sentiasa memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas segala nikmat dan rezeki kurniaanNya selama ini. Sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pesara-pesara RISDA. Segala jasa dan budi baik yang telah dicurahkan sudah pasti akan menjadi kenangan. Semoga Majlis pada malam ini akan dapat dijadikan sebagai satu kenangan manis dalam sejarah kehidupan diri masing- masing.

19

Dengan kata-kata tersebut dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan penuh sukacitanya bagi pihak Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah merasmikan Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Malam Jasamu Dikenang RISDA Negeri Johor Tahun 2009.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

20